

06/07/1999

Enggan sertai Mapen II bukti parti lawan takut: Mahathir

Kadir Dikoh; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penolakan parti pembangkang untuk menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Kedua (Mapen II) sebagai tidak bertanggungjawab kepada rakyat.

Menurut Perdana Menteri, tindakan itu juga membuktikan rasa takut mereka kerana tidak mahu terikat dengan apa juga keputusan yang dibuat majlis itu nanti.

"Kalau nak boikot kita tak boleh buat apa. Ini kerana mereka tidak mahu terikat dengan apa juga keputusan, malah mereka sebagai parti `hentam' boleh `hentam' apa saja keputusan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini malam ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan parti pembangkang semalam yang menolak pelawaan kerajaan untuk menganggotai Mapen II.

Parti Keadilan Nasional (KeADILan), Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menyatakan pendirian itu dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan di sini, semalam.

Kenyataan itu ditandatangani Presiden KeADILan, Datin Seri Wan Azizah Ismail; Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor; Presiden PRM, Dr Syed Husin Ali dan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang.

Semua parti pembangkang itu kecuali KeADILan, sudah menerima surat jemputan daripada kerajaan untuk menganggotai Mapen II, tetapi mereka membuat keputusan menolak tawaran itu.

Pas, DAP dan PRM sebelum ini pernah menganggotai Mapen I.

Ditanya mengenai alasan pembangkang kononnya kerajaan tidak pernah mengambil pandangan mereka, Dr Mahathir berkata: "Siapa kata tak pernah, banyak pandangan yang kita dah ambil, tinggal lagi dia nak `claim' kalau kita buat sesuatu itu dia punya cadangan...itu lainlah, yang itu politik."

Sementara itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, beliau turut memberi taklimat mengenai keadaan ekonomi semasa yang amat memuaskan kepada MT.

"Saya memberitahu bahawa pertumbuhan boleh dicapai pada suku kedua (1999)," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT juga bersetuju mengenai pentingnya kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pemaaju perumahan mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah, terutama membabitkan peruntukan kepada Bumiputera.

Menurutnya, urusan pengambilan tanah bagi tujuan itu juga harus dipercepat.

Beliau berkata, MT juga mengkaji kedudukan politik semasa negara dan mendapati usaha masih perlu dibuat untuk memberikan penjelasan kepada ahli dan penyokong Umno yang akan diuruskan oleh Pergerakan Pemuda dan Wanita, ahli MT dan Menteri Besar serta Ketua Menteri.

Mengenai Central Limit Order Book (Clob) Singapura, Perdana Menteri berkata terpulang kepada pemegang saham di Clob untuk menerima atau tidak tawaran yang dibuat oleh pihak swasta Malaysia bagi membeli saham mereka.

Ditanya mengenai cadangan Bursa Saham Singapura (SES) supaya saham yang pernah diniagakan di Clob itu dibebaskan secara berperingkat, beliau berkata:

"Saya tidak tahu mengenai SES (cadangan itu). Jika mereka (SES) mempunyai kawalan ke atas pemegang saham ini, mereka boleh memberitahu pemegang saham berkenaan apa sahaja tetapi jika ia boleh menjejaskan pasaran kita (di Malaysia), kita tidak akan membenarnya.

"Saya berpendapat sudah terlalu banyak cadangan. Mereka (pemegang saham Clob) harus mempertimbangkan cadangan ini (jika tidak) ada lagi kemunculan lima, enam, tujuh, lapan, sembilan dan 10 (cadangan). Kalau macam ini tak habislah," katanya.

(END)